

Kuala Lumpur

## **AEON BIG, Shopee umum perkongsian eksklusif**

AEON BIG (M) Sdn Bhd (AEON BIG) mengumumkan perkongsian eksklusif bersama Shopee, platform e-dagang terkemuka di Malaysia yang menawarkan perkhidmatan beli-belah menerusi kedai rasminya di platform itu.

Langkah ini adalah selaras dengan misi pasar raya besar terkemuka itu untuk memberikan kemudahan kepada pelanggannya membeli barang yang diinginkan secara dalam talian, sekali gus mencapai kepuasan pelanggan global.

Pengarah Urusan AEON BIG (M) Sdn Bhd,

Masayoshi Masuda berkata, kemajuan teknologi dan digital kini menyaksikan pengguna lebih ke arah gaya hidup yang berbeza pada tahun-tahun kebelakangan ini terutama golongan milenium.

Katanya, mereka kini lebih suka berbelanja secara dalam talian seiring dengan usaha berterusan kerajaan untuk merangsang ekonomi digital.

“Sebagai peruncit yang berorientasikan pelanggan di negara ini, kami sentiasa mencari cara baru untuk membabitkan diri dan berhubung dengan pelanggan dengan lebih baik,” katanya.



**TIMBALAN Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Badrul Hisham Mohd (kiri) pada perasmian 'Aeon Big Ventures E-Commerce'.**